

KONSEP, ISU, CABARAN DAN KECERDASAN SPIRITUAL BELIA

(CONCEPTS, ISSUES, CHALLENGES AND SPIRITUAL INTELLIGENCE OF
YOUTH)

Nor Hanim binti Elias¹
Selamah Maamor²
Ahmad Bashir Aziz³

Abstrak

Belia merupakan generasi masa kini dan bakal pemimpin yang akan menentukan kelangsungan negara dan bangsa pada masa hadapan. Bagi mempersiapkan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020, belia perlu memainkan peranan secara proaktif dan berterusan bagi menyambung usaha pembangunan negara. Golongan aristokrat turut berpendapat sekiranya mahu melihat kemajuan sesebuah bangsa itu maka lihatlah generasi mudanya. Justeru, artikel ini adalah untuk membincangkan scenario belia Malaysia dan kecerdasan spiritual termasuk takrifan umur belia, peranan, isu dan cabaran belia dalam pembangunan negara seterusnya mencapai Wawasan 2020. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen dan juga berdasarkan data-data sekunder untuk mencapai objektif kajian. Hasil kajian ini menunjukkan takrifan umur belia yang sesuai adalah 15-30 tahun. Terdapat lima peranan belia sebagai pemimpin dan bagi membantu pembangunan negara antaranya ialah menentukan corak dan arah kemajuan negara. Manakala isu dan cabaran yang dihadapi belia pada hari ini adalah menagai masalah sosial yang jauh lebih kronik daripada generasi zaman sebelumnya. Di samping itu, belia juga terpaksa berhadapan dengan tuntutan kehidupan era globalisasi yang semakin mencabar pada hari ini terutama dari segi ekonomi dan politik. Justeru, belia pada hari ini perlu disediakan dengan ilmu agama yang kukuh dan tahap kecerdasan spiritual yang tinggi supaya lebih bersedia berhadapan dengan cabaran yang semakin getir pada masa akan datang.

Kata Kunci: *Takrifan Belia, Isu dan Cabaran Belia, Kecerdasan Spiritual*

Abstract

Youth are the current generation and future leader that will determine the continuity of the country and nation in the future. In preparing Malaysia as a developed country in year 2020, youth need to play their role proactively and continuously in order to continue the country's development. The aristocrats also agree that if we want to see the country's future, just look at the youth. Thus, this article is to discuss the Malaysian youth scenario and their spiritual intelligence which including the definition of youth age, roles, issues and challenges in developing of country as well as achieving Malaysia Vision 2020. This research employed qualitative method based on the secondary data. Research finding shows that the suitable age for youth is 15 – 30 years old. There are 5 roles of youth as the leader and to help country's development. Among the roles are to determine the shape and the direction of the country's

development. In term of youth issues and challenges, youth to need to overcome the social problem which far more chronic from the previous generations. Moreover, the youth also needs to face the challenging life where it attaches with globalization era, especially from the economy and political perspective. Besides that, youth need to be filled with strong religious wisdom and high spiritual intelligence so that they prepare for the harder challenges in future.

Keywords: *Definition of Youth, Youth Issues and Challenges, Spiritual Intelligence*

2015 GBSEJournal

Pengenalan

Belia merupakan antara aset terpenting yang negara bagi menyambung warisan kepimpinan negara dimasa akan datang. Ini kerana pada usia belia lah mereka akan diasuh dan dilantik untuk menjadi pemimpin. Umum mengetahui bahawa pemimpin datang dan pergi silih berganti dengan meninggalkan warisannya untuk disambung oleh bakal pemimpin yang akan mengambil alihnya bagi meneruskan segala tanggungjawabnya kepada negara. Justeru itu, belia yang bakal menjadi pemimpin haruslah peka dengan cabaran yang dihadapi dan akan dihadapi serta perlu mengetahui peranan-peranan mereka terhadap negara dan individu belia itu sendiri. Pada tahun 2015, jumlah belia di Malaysia seramai 13,88 juta yang mewakili 45.8% daripada 30.26 juta penduduk Malaysia. Daripada jumlah tersebut seramai 7.26 juta (52%) merupakan lelaki dan 6.62 juta (48%) belia wanita (Jabatan statistik Malaysia 2015). Dengan peratusan jumlah belia yang tinggi ini bermakna belia merupakan aset utama dalam menentukan arah tuju dan kejayaan Negara menjelang tahun 2020. Oleh yang demikian, artikel ini adalah untuk membincangkan senario takrifan umur belia, peranan, isu dan cabaran belia dalam pembangunan negara sebagai persediaan mencapai Wawasan 2020. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan berdasarkan pengumpulan data-data sekunder sebagai rujukan artikel ini.

Takrifan Belia

Melihat fenomena di Malaysia, belia mengikut perspektif Malaysia ditakrifkan sebagai mereka yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun (Dasar Pembangunan Belia Negara, 1997). Kohot umur di Malaysia jauh melebar jika dibandingkan dengan tafsiran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang mentafsirkan belia daripada mereka yang berumur 15 hingga 25 tahun (United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization, 2006) dan Pertubuhan Komanwel yang mengkategorikan belia bagi mereka yang berumur antara 15 hingga 29 tahun (Commonwealth Youth Program, Strategic Plan, 2003-2006). Berdasarkan Youth Policy Formulation Manual, United Nation 1999, takrifan umur belia mengikut negara adalah seperti berikut:

Bil.	Negara	Umur belia
1	Malaysia	15-40
2	Brunei	15-25
3	Vietnam	15-35

4	Philippines	15-30
5	Singapore	15-29
6	Thailand	15-24
7	China	15-28
8	India	13-35
9	Australia	15-25
10	New Zealand	15-24

Sumber: Youth Policy Formulation Manual, United Nation 1999

Berdasarkan jadual Youth Policy Formulation Manual, United Nation 1999 di atas, umur belia adalah berbeza-beza, dapat dilihat defiinisi belia Malaysia adalah yang berumur (15-40 tahun), manakala Brunei dan Australia adalah sama peringkat umur belia iaitu (15-25 tahun), Thailand dan New Zealand juga berkongsi definisi belia yang sama iaitu berumur (15-24 tahun), manakalah Singapura (15-29 tahun).

Kategori umur belia yang diberikan di atas jelas memperlihatkan jangkauan hayat yang lebih besar dan lama digunakan di Malaysia berbanding dengan beberapa buah Negara lain. Walau bagaimanapun, kebanyakan negara lain sudah mengubah penetapan umur belia kepada di bawah umur 25 tahun. Malah, isu ini dipandang serius apabila Datuk Khairy Jamaludin Menteri Belia dan Sukan turut mencadangkan takrifan had umur belia di negara ini, yang sepatutnya ialah 18 hingga 30 tahun.

Kebanyakan negara mempunyai definisi mereka yang tersendiri berdasarkan faktor sosio budaya, politik dan ekonomi di negara masing-masing. Justeru setiap negara mempunyai hujah masing-masing yang harus dihormati sebagaimana menurut Dato' Saifuddin Abdullah, Pengerusi Akademi Belia bahawa takrifan belia mengikut umur bukanlah yang sempurna, belia juga boleh ditakrifkan mengikut perspektif dan aspek lain seperti sosiologi, sokologi dan antropologi.

Disokong oleh Azizan Bahari (1995) mengatakan, definisi sekarang yang menyatakan lingkungan umur antara 15 hingga 40 tahun sebagai belia itu adalah luas. Barangkali yang sesuai adalah antara 13 hingga 30 tahun. Ia adalah satu lingkungan umur yang sesuai dipanggil belia, walaupun masih terdapat beberapa hal yang berbeza daripada aspek tahap bersekolah, mencari kerja, memulakan kerjaya, berkenalan, mencari pasangan hidup, berumah tangga dan sebagainya. Biasanya, individu yang berusia lebih daripada 30 tahun sudah berkeluarga. Manakala mereka yang berusia lebih daripada 35 tahun, meletakkan kerjaya di samping masa depan keluarga sebagai fokus hidup.

Dalam buku Pembentukan Generasi Belia Selangor 2005: Satu Pengamatan, belia ditakrif berdasarkan peringkat umur dari 15 hingga 40 tahun. Julat umur di antara dua umur ini agak tinggi bagi memasukkan mereka dalam program pembangunan yang sama. Keperluan golongan awal belia dan golongan akhir belia adalah berlainan. Oleh sebab itu, lebih baik mengkategorikan mereka mengikut kelompok berdasarkan faktor umur dan kegiatan utama status hidup mereka, bagi menyediakan program pembangunan untuk mereka. Mereka dapat dibahagikan kepada kelompok berikut:

1. Golongan belia remaja. Rata-rata kumpulan ini masih di bangku sekolah. Antara beberapa perkara yang perlu ditekankan pada kumpulan ini adalah mendidik nilai, memupuk jati diri, di samping mendedahkan mereka dengan senario yang berubah dan impaknya ke atas mereka.
2. Golongan belia institusi pengajian tinggi atau penuntut (18 hingga 25 tahun). Golongan ini terdiri daripada penuntut yang berada di institusi pengajian tinggi dan lepasan sekolah menengah. Pada peringkat ini, mereka perlu ditekankan dengan moral yang tinggi dan memupuk hubungan sihat apabila bergaul.
3. Golongan belia awal pekerjaan (18 hingga 23 tahun). Golongan ini perlu didedahkan dengan pelbagai peluang memajukan diri dalam bidang yang mereka ceburi. Galakan belajar dan menimba pengalaman perlu diutamakan.
4. Golongan belia industri (20 hingga 30 tahun). Belia perlu diberi peluang meningkatkan diri dalam hal yang berkaitan dengan keperluan kemahiran bekerja dan membangunkan insan.
5. Golongan belia veteran (30 hingga 40 tahun). Biasanya golongan ini sudah berumah tangga dan lebih menumpukan pada usaha mengukuhkan pendapatan keluarga serta mendidik anak-anak. Program membangunkan golongan ini perlu ditumpukan pada usaha meningkatkan kualiti hidup serta mengukuhkan institusi keluarga.

Daripada perspektif Islam pula, belia dikaitkan dengan umur baligh. Di dalam al-Quran ada disebut perkataan fata dan dalam hadis pula disebut perkataan syabab. Kedua-duanya membawa maksud pemuda atau belia, Abdul Ghafar Hj. Don, 1996 di dalam Mustari, Mohamed, & Jasmi (2004).

Imam al- Ghazali (1976) mendefinisikan belia sebagai golongan yang mencapai peringkat umur baligh apabila mereka telah dianggap mempunyai akal yang sempurna dan perkembangan akal yang matang sehingga mampu untuk menguasai sesuatu dengan sendiri.

Menurut Islam, manusia ditentukan kewajipan melaksanakan tanggungjawab kepada Allah, rasul dan masyarakat. Justeru itu, Islam menetapkan usia baligh dan akal sempurna sebagai faktor penentu. Menentukan umur baligh penting bagi menentukan sama ada remaja itu sudah sampai tahap mukalaf ataupun tidak. Mukalaf bermaksud orang yang sudah cukup umur dan diwajibkan mematuhi hukum-hakam Islam. Mustari, Mohamed, & Jasmi (2004). Mereka dipertanggungjawabkan ke atas segala tingkah laku serta perbuatan mereka.

Islam menggunakan pengukuran akil baligh dalam menentukan takrifan belia. Akil baligh ini menjadi satu titik pemisah di antara alam kanak-kanak dengan alam remaja. Islam juga secara umumnya tidak menetapkan batasan umur belia. Namun begitu, kebiasaannya peringkat umur belia dirujuk pada sekitar usia lewat remaja iaitu antara peringkat umur 25 hingga 30 tahun (Fuad Ifrah al- Bustani 1982).

Dapat dirumuskan bahawa, bahawa takrifan dari pelbagai Negara kebanyakannya adalah tidak melebihi bawah 30 tahun. Peranan belia pada usia berikut adalah amat penting kerana golongan ini adalah pewaris masa depan sesebuah negara. Oleh yang demikian dalam mempersiapkan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020, Kementerian Belia dan Sukan sudah mula menyemak semula Dasar Pembangunan Belia Negara (1997) dan bersedia untuk meminda takrifan belia dengan mengehendkan kepada 30 tahun ke bawah menjelang tahun 2020. Azizan Bahari (1995) menyatakan lagi dasar yang penting sebegini

seharusnya disemak setiap lima tahun bagi memastikan kerelevannya dengan arus perkembangan semasa di Malaysia.

Peranan Belia

Wawasan 2020 merupakan agenda atau cabaran perdana Negara dan ia menuntut keterlibatan setiap rakyat Malaysia dalam merealisasikan Malaysia Maju mengikut citarasa dan acuan sendiri. Segala dasar, program dan pendekatan yang dilaksanakan ke arah merealisasikan wawasan 2020 tidak akan berjaya tanpa adanya komitmen belia dan masyarakat amnya. Belia boleh bertindak sebagai agen dari segi moral, idea dan material melalui pelbagai badan dan saluran. Sumbangan ini dilihat sebagai satu usaha yang bersungguh-sungguh oleh belia ke arah pembangunan Negara apabila belia berperanan utama.

1. Menentukan corak dan arah kemajuan Negara
Golongan belia perlu bangkit dari persoalan yang berlegar di sekeliling kehidupan lama dan melibatkan diri dalam proses kemajuan Negara. Belia perlu mencorakkan arah kemajuan dan pembangunan Negara berdasarkan nilai ketimuran dengan membentuk satu budaya Malaysia yang unggul dengan tidak melupakan adat-adat ketimuran. Disamping belia mencorakkan dan menentukan arah kemajuan Negara tanpa mengikis aspek moral dan sahsiah yang baik.
2. Membantu membanteras gejala sosial
Golongan belia merupakan yang berpotensi untuk membantu mengatasi masalah sosial yang sering beraku di kalangan remaja yang digelaran "*problematic group*" (Azizan Bahari, 1995). Kebanyakan masalah sosial dikalangan remaja berlaku kerana mereka kehilangan ataupun gagal membentuk serta mencari identitinya untuk membentuk sendiri yang positif. Dalam hal ini, peranan golongan belia khasnya pertubuhan belia dapat membantu mengatasi masalah sosial melalui penonjolan identiti dan sahsiah sendiri yang positif.
3. Melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai bidang
Kemajuan Negara dalam pelbagai bidang menuntut belia supaya bergiat aktif bersama kerajaan dalam pelbagai bidang yang menjadi tumpuan untuk membangunkan Negara. Belia boleh memainkan peranan secara perseorangan dan juga secara berkumpulan melalui pelbagai bidang yang ada. Mereka haruslah sedar akan potensi Negara dalam merealisasikan kehendak kerajaan dalam mencapai wawasan 2020 yang menekankan kepada pembangunan sosial dan ekonomi terutamanya.
4. Meningkatkan dan memelihara perpaduan Negara.
Latar belakang masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dimana kaum Melayu, Cina, India sebagai kaum terbesar memerlukan pemeliharaan perpaduan kaum. Setiap belia dari pelbagai kaum, agama dan budaya haruslah peka terhadap isu perkauman dan perpaduan. Mereka haruslah mempunyai kesedaran betapa pentingnya usaha memupuk dan memelihara perpaduan yang diketahui sebagai pemangkin kemajuan dan keamanan dalam Negara.

5. Menjadi belia yang bertanggungjawab

Para belia hendaklah menjadi belia yang bertanggungjawab ke atas empat elemen utama. Empat elemen utama tersebut ialah sosialisasi iaitu tanggungjawab kepada Tuhan, tanggungjawab berhubung dengan alam, tanggungjawab berhubung dengan manusia dan persekitaran dan tanggungjawab berhubung dengan diri sendiri. Tanggungjawab belia dengan Tuhan menuntut seorang belia mempelajari dan mengamalkan ajaran agama. Hubungan dengan alam bermakna menjaga alam sekitar, tanggungjawab dengan diri sendiri bermakna membentuk keperibadian diri dengan mengelakkan daripada melakukan tindakan yang boleh memudaratkan diri dan kesihatan mental, fizikal dan rohani manakala tanggungjawab terhadap manusia dan persekitaran bermakna tanggungjawab terhadap keluarga, Negara, masyarakat dan juga perseorangan yang berada di sekeliling hidup kita.

Sumber manusia di usia belia adalah teras utama kepada pembangunan negara khususnya terhadap ekonomi, politik, sosial dan teknologi. Namun begitu, pembangunan fizikal yang terlalu pesat tanpa diimbangi dengan pembangunan sahsiah dan rohani secara tidak disedari akan mempengaruhi kejayaan belia untuk menjadi pemimpin yang cemerlang. Hal ini adalah kerana peranan belia adalah sebagai agen perubah masyarakat yang tidak akan memberi makna sekiranya perubahan itu adalah dari kecerahan kepada kegelapan, dari berakhlak kepada tidak berakhlak dan seumpamanya. Reave (2005); Burke (2006); Faisal (2007); Amran (2009); di dalam kajian mereka berpendapat bahawa kepimpinan yang berkesan dapat dipupuk melalui elemen spiritual, disamping keperluan untuk mengintegrasikan beberapa elemen lain seperti psikologi, sosiologi dan teknologi. Selain itu telah mengenalpasti beberapa nilai-nilai spiritual yang diperlukan secara kritikal dalam proses membentuk pemimpin yang berkesan dan produktif iaitu nilai integriti, komunikasi secara jujur, dan rendah diri.

Disokong oleh Naquiuddin, Mariani dan Siti Nor (2012) mendapati kecerdasan spiritual mampu berperanan sebagai faktor penentu kepada cara gaya kepimpinan oleh pemimpin belia. Pembentukan kecerdasan spiritual yang mantap dijangka mampu memangkin proses pembentukan cara gaya kepimpinan yang berkesan khususnya kepimpinan transformasi dalam kalangan belia di Malaysia. Justeru itu, perancangan program yang sistematik dan berterusan perlu dilakukan bagi meningkatkan kecerdasan spiritual para belia di Malaysia dan perlu dititikberatkan sedari usia belia di peringkat sekolah yang akhirnya menjana kepada pembentukan generasi belia sebagai pemimpin yang cemerlang di masa hadapan.

Akhirnya, belia berperanan dalam pembinaan peribadi seorang belia yang berwibawa dan merujuk kepada pembinaan intelektual, rohani dan jasmani yang baik. Ini merupakan satu kewajipan yang perlu diambil kira kepentingan dan manfaatnya mengikut dasar belia negara. Dalam pembinaan sebuah tamadun yang besar, tanggungjawab dan amanah tidak mampu dipikul oleh manusia yang rendah nilai-nilai keohanian, dan jati dirinya serta tidak mempunyai iltizam dan tekad yang mantap.

Isu Dan Cabaran Belia

Seringkali kelompok belia akan menjadi perhatian dalam pelbagai aspek kehidupan. Ini juga bersesuaian dengan peranan utama yang dimainkan oleh belia sebagai agen untuk perubahan, penerima inovasi teknologi dan penggerak yang memacu pembangunan negara (Norshafawati

Abd. Azimi, 2014). Dapat dilihat belia pada masa kini secara realitinya lebih bersifat terbuka, berfikiran kreatif, berinovatif, berani dan penuh dengan idealisme. Namun begitu, belia negara seringkali terdedah dengan seribu macam cabaran dan isu-isu sosial (Rohani Nasir, 2009).

Isu-isu sosial yang melibatkan golongan remaja dan belia boleh menggugat kesejahteraan masyarakat. Antaranya masalah yang paling utama pada hari ini ialah penagihan dadah di mana dianggarkan setiap dua jam, dua orang warga Malaysia menjadi penagih dadah. Sehingga kini terdapat 255,725 penagih dan daripada jumlah ini, 70 peratus adalah terdiri daripada golongan belia pada tahun 2014. Pada tahun 2020, jumlah penagih dadah dijangka meningkat kepada 3 juta (Berita Harian, 19 Oktober 2015). Selain itu, walaupun pelbagai langkah pengawalan diatur agensi penguatkuasa termasuk pihak kerajaan sendiri, namun jumlah kes dilaporkan terutama kes rogol, lepak, lumba haram, bunuh, pergaulan bebas dan pembuangan bayi masih berada di tahap yang serius (Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail, 2009; Badruzaman Baharom, 2006; Mahmood Nazar Mohamed, Yahya Don, Mohamad Hassan & Muhamad Dzahir Kasa, 2006 dan Syed Kamaruzaman Syed Ali, Syed Zulkarnain & Shabeshan Rengasamy, 2007).

Tindakan dan usaha telah banyak dilakukan oleh pihak berwajib bagi menangani masalah ini namun gejala sosial seolah-olah tiada berkesudahan dan masih berlarutan (Ezani Yaakub, Mohd Takiyuddin Ibrahim & Kamariah Yusuff, 2005 dan Khalim Zainal & Wan Zulifli Wan Hassan, 2009). Namun masih ramai dalam kalangan remaja terjebak kepada budaya yang tidak sihat dan hal ini menunjukkan bahawa jati diri Islam dalam kalangan remaja semakin pudar (Mohd Aliff Mohd Nawawi, Jamil Ahmad, Ab. Halim Tamuri, Amirah Ismail, & Nurul Pasihah Hassan, et al., 2012).

Selain itu, penularan wabak penyakit yang melanda sebuah negara juga menjadi semakin pantas merebak ke negara yang lain kerana pergerakan penduduk dunia semakin mudah, cepat dan bebas. Tidak banyak sekatan dan halangan yang ada di atas nama pelancongan dan kebebasan bergerak. Keupayaan untuk mencari vaksin baru terhadap wabak penyakit memerlukan para belia yang bijak dan pintar dalam pendidikan. Faktor pelampau agama sebagai ancaman yang menjadi duri dalam daging di kalangan masyarakat beragama di seluruh dunia merupakan isu semakin membimbangkan pada hari ini. Ancaman ini bersifat global dan boleh mengancam politik, ekonomi dan sosial sesebuah negara. Penentangan terhadap keganasan yang mengaitkan kumpulan agama telah menyebabkan kemunculan gerakan yang berlindung di sebalik kefahaman agama yang ekstrem dan meraih sokongan belia dan remaja bagi mencapai cita-cita mereka (Mahmood Mamdani, 2004). Hasil dapatan kajian mendapati isu dan cabaran yang dihadapi belia pada hari ini adalah menangi masalah sosial yang jauh lebih kronik daripada generasi zaman sebelumnya. Malahan, belia juga terpaksa berhadapan dengan tuntutan kehidupan era globalisasi yang semakin mencabar pada hari ini terutama dari segi ekonomi dan politik.

Rumusan

Hasil daripada kajian dapat dijelaskan bahawa kebanyakan negara menghadkan umur belia bawah dari 30 tahun. Dasar Pembangunan Belia Negara (1997) juga telah bersedia untuk meminda takrifan belia dengan menghadkan kepada 30 tahun ke bawah menjelang tahun

2020. Umur 30 hingga 40 tahun adalah sudah tidak relevan kerana mereka lebih cenderung untuk mengukuhkan institusi keluarga. Selain itu, bagi menangani isu dan cabaran belia hari ini adalah wajar menerapkan ciri-ciri belia yang cemerlang, gemilang dan terbilang seperti unggul jati diri, kuat iaitu kekuatan agama, akal, emosi dan fizikal belia supaya keempat aspek penting ini menjadi teguh dan mantap dalam diri belia. Pelbagai isu dan cabaran tertumpu pada golongan ini. Mereka terpaksa berhadapan dengan tuntutan kehidupan era globalisasi yang semakin mencabar pada hari ini terutama dari segi ekonomi dan politik. Justeru, belia pada hari ini perlu disediakan dengan ilmu agama yang kukuh dan tahap kecerdasan spiritual yang tinggi supaya lebih bersedia berhadapan dengan cabaran yang semakin getir pada masa akan datang. Hal ini kerana pembangunan fizikal yang terlalu pesat tanpa diimbangi dengan pembangunan sahsiah dan rohani secara tidak disedari menjadi salah satu punca kepada masalah belia masa kini.

Justeru itu, menyedari bahawa nilai-nilai kerohanian merupakan elemen penting untuk mengekang masalah sosial dan cabaran belia yang semakin kronik pada hari ini, maka penerapan dan pengukuhan tahap kecerdasan spiritual di peringkat kanak-kanak perlu diberikan perhatian utama. Kecerdasan ruhaniah di sini adalah bermaksud adalah kesejahteraan jiwa dan rohani insan yang boleh diperbaiki dan ditingkatkan. Nilai kerohanian dan pengetahuan agama yang kukuh mampu menjadi pelindung kepada generasi belia yang berada di peringkat pembesaran dan sedang mencari identiti diri mereka. Belia yang mempunyai tahap kecerdasan spiritual yang tinggi dilihat mampu mengatur kehidupan mereka dengan lebih sejahtera. Selain itu, belia yang mempunyai tahap kecerdasan spiritual yang tinggi juga dilihat mampu menolak perlakuan negatif dan unsur-unsur yang bertentangan dengan ajaran agama. Tahap kecerdasan spiritual yang tinggi boleh menjadi pegangan moral yang baik dan memberi arah kepada belia untuk berfikir dengan bijak sebelum melakukan sesuatu yang tidak bermoral. Oleh yang demikian, aspek kerohanian merupakan elemen penting untuk membentuk generasi belia yang lebih rasional dalam menangani cabaran hidup dan seterusnya memaksimumkan segala potensi yang ada pada diri mereka untuk kemajuan diri, pembangunan agama bangsa dan Negara.

Rujukan

- Ab. Halim Tamuri, & Zarin Ismail (2009). *Hubungan antara pegangan nilai moral dengan Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia 2007*, https://www.google.com/?gws_rd=ssl#q=Akta+Pertubuhan+dan+Pembangunan+Beli+a+2007. Diakses pada 25 Jun 2015.
- Amram, J. Y. 2009. *The Contribution of Emotional And Spiritual Intelligences To*
- Al- Ghazali, Abu Hamid 1967, *Ihya' Ulum al-Din. Juz 2&3*. Mesir: al-Qahirah Matabi' Subh al- Arab
- Azimi Hamzah dan Turiman Suandi. 1998. *Pengukuhan Sinergi Belia dan Negara : Agenda Agen Pembangunan Pewaris Negara*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Azizan Bahari. 1995. *Belia dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Azizan Bahari. 1995. *Pergerakan Belia: Persoalan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- .Badruzaman Baharom (2006). *Persekitaran keluarga dan kesannya terhadap tingkah laku devian remaja di daerah Pontian, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.

- Belia Malaysia*, Edisi 3/2009, 4-5. *Pembangunan Belia Malaysia*, Edisi 4/2014, 1-8.
- Burke, R. 2006. Leadership and spirituality. *Foresight*, 8, 6, 14-25.
- Dasar Pembangunan Belia Negara 1997. <http://www.ippbm.gov.my/dokumen/DPN.pdf> .
Diakses pada 27 Jun 2015.
- Effective Business Leadership*. Institute of Transpersonal Psychology.
- Ezani Yaakub, Mohd Takiyuddin Ibrahim, & Kamariah Yusuff (2005). *Latar belakang pendidikan agama banduan jatuh hukum: Kajian di Penjara Pusat Kajang*. (Laporan Penyelidikan tidak diterbitkan). Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam.
- Faisal, R. F. 2007. The Influence of Emotional Quotient and Spiritual Quotient with Transformational Leadership among Managers in Universiti Utara Malaysia. *Kertas Kerja*. Universitas Andalas
- Fuad Irfah al-Bustani, 1982, *Mu'jam al-Thulub*. Beirut: Dar Masyriq.
- Kosmo, Jenayah Remaja Membimbangkan Artikel Penuh: http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=1002&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne_10.htm#ixzz3oz1nmJYy
- Mahmood Mamdani. 2004. Good Muslim, Bad Muslim. Kuala Lumpur: Forum Publications.
- Malaysia .2006. Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Mohd Aliff Mohd Nawawi, Mohd Isa Hamzah, Zanizam Zaidi, Surina Akmal, & Asdiri Kholili. (2011), Impak globalisasi terhadap pendidikan Islam masa kini. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Mahmood Nazar Mohamed, Yahya Don, Mohamad Hassan, & Muhamad Dzahir Kasa (2006). *Program pendidikan pencegahan dadah SLAD: Adakah ia berkesan mencapai matlamatnya?* Malaysian Journal of Learning & Instruction, 108-134.
- Mohd Isa Hamzah, Mohd Aliff Mohd Nawawi, Jamil Ahmad, Ab Halim Tamuri, Amirah Ismail, & Nurul Pasihah Hassan, et al. (2012). Keberkesanan Pertubuhan Belia dalam Menyemai Jati Diri Islam. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 7, 93-104.
- Miranda Yates dan James Youniss. 1999. *Roots of Civic Identity : International Perspectives on Community Service and Activism in Youth*. New York, USA: Cambridge University Press.
- Mohd Ismail Mustari. 1999. *Belia sebagai insan cemerlang dari perspektif Islam: Kajian status belia-belia Felda Bukit Ramun*, Kulai, Johor. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustari, M., Mohamed, A. K., & Jasmi, K. A. (2004). Pembentukan nilai dan kecemerlangan bagai melahirkan generasi muda yang mapan dalam menghadapi era pasca modenisme.
- Mohamad Zahir Zainudin. (2006). *Belia dan Pembangunan Modal Insan: Merealisasikan Masyarakat Sejahtera*.
- Mohamad Naquiddin Dahamat Azam, Mariani Mansor & Siti Nor Yaacob. (2012). *Kecerdasan Spiritual Dan Cara Gaya Kepimpinan Dalam Kalangan Pemimpin Remaja Di Malaysia*. Malaysian Journal of Youth Studies Volume Jilid 7 ISSN 2180-1649 Dec 2012.
- Norshafawati Abd. Azimi (2014). Aspirasi kepimpinan belia. *Buletin Institut Penyelidikan Rohani Nasir* (2009). Modul ketahanan diri belia. *Buletin Institut Penyelidikan Pembangunan*

- Ab. Halim Tamuri, & Nik Mohd Rahimi Nik Yusuf (2010). *Isu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pendidikan.
- Reave, L. 2005. Spiritual values and practices related to leadership effectiveness. *The Leadership Quarterly*, 16, 655-687.
- Steven Miles et. al. 2002. *Communities of Youth : Cultural practice and informal learning*. Hampshire, England: Ashgate Publishing Limited.
- Syed Kamaruzaman Syed Ali, Syed Zulkarnain, & Shabeshan Rengasamy (2007). Program pemulihan amalan tabiat merokok dalam kalangan remaja di sekolah. *Masalah Pendidikan*, 30(1), 89-99.
- Youth Policy Formulation Manual, United Nation 1999. http://www.ippbm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=342&lang=bm. Diakses pada 27 Jun 2015.